

Tarikh Dibaca: 16 Mei 2025M / 18 Zulqa'dah 1446H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“GURU PEMACU
REFORMASI PENDIDIKAN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"GURU PEMACU REFORMASI PENDIDIKAN"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي عَادَمَ وَحَمَلْنَهُمْ فِي الْوَبْرِ وَالْبَحْرِ
وَرَزَقْنَهُمْ مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَهُمْ عَلَى كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan
meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua

¹ Al-Isra': 70.

² Ali-'Imran: 102.

diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Bersempena sambutan Hari Guru yang diraikan pada tanggal 16 Mei setiap tahun, hari ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **"GURU PEMACU REFORMASI PENDIDIKAN"**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Madrasah atau sekolah merupakan institusi pendidikan yang memainkan peranan besar dalam masyarakat sejak sekian lama di tanah air kita. Ia bukan sahaja tempat menimba ilmu, tetapi juga pusat pembentukan karakter berteraskan adab, akhlak dan integriti. Hakikatnya peranan mendidik ini bukan hanya terletak di bahu guru, bahkan setiap daripada kita, para ibu bapa, ahli masyarakat, dan para pemimpin memikul tanggungjawab bersama dalam membentuk generasi yang bertamadun.

Perhatikan bagaimana Allah SWT mengabadikan kisah seorang bapa yang berjiwa pendidik, iaitu Luqman al-Hakim dalam Surah Luqman di mana terkandung prinsip utama seorang guru dalam membina akidah yang teguh, mendidik dengan hikmah, dan membentuk akhlak yang terpuji.

Firman Allah SWT dalam Surah Luqman, ayat 13:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَنُ لِبْنِهِ ۖ وَهُوَ يَعِظُهُ ۚ يَبْنَىٰ لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ ۖ إِنَّ الشِّرْكَ
لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

*"Dan (ingatlah) ketika Luqman memberikan nasihat kepada anaknya,
"Wahai anak kesayanganku, janganlah kamu mempersekutukan Allah*

(dengan sesuatu yang lain)! Sesungguhnya, perbuatan syirik itu ialah suatu kezaliman yang besar."

Ayat ini bukan sekadar pesanan seorang ayah, tetapi ia menunjukkan manhaj tarbiah seorang guru bermula dengan menanam pegangan akidah yang benar, disusuli pembangunan akhlak dan kesedaran sosial. Di sinilah terbukti bahawa peranan guru bukan sahaja mengajar teori, tetapi menggarap fitrah dan menanam nilai karamah insaniah dalam diri para pelajar.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

"Karamah insaniah" atau kemuliaan insan merujuk kepada ketinggian martabat yang dianugerahkan Allah SWT kepada setiap manusia berdasarkan fitrah dan potensi yang dimilikinya. Dalam Islam, konsep ini berpaksikan kepada ayat al-Quran Surah al-Isra', ayat 70 sepertimana yang telah dibacakan pada mukadimah khutbah, maksudnya:

"Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan".

Ayat ini menjadi asas kepada falsafah pendidikan dalam Islam yang memberi penekanan bahawa setiap insan tanpa mengira latar belakang, keturunan, warna kulit atau kedudukan, memiliki nilai yang sama di sisi Allah SWT selagi mana dia menjunjung ilmu dan takwa.

Yakinlah sidang jemaah sekalian, kemuliaan insan itu tidak hanya terletak pada aspek fizikalnya, tetapi juga menjadi asas penting dalam pendidikan yang bertujuan membentuk individu dari segi rohani, intelek dan emosi serta mampu memenuhi aspirasi negara.

Inilah hakikat insan Rabbani yang perlu dibentuk melalui peranan guru yang mampu menyemai ilmu, menanam benih iman, dan memupuk sifat ihsan, agar lahirnya generasi pewaris negara yang menjunjung syariat dan keadilan sejagat.

Hadirin Jumaat yang berbahagia,

Apabila kita berbicara tentang peranan seorang guru dalam Islam, fokusnya bukan semata-mata pada sudut teknikal atau metodologi pengajaran. Tetapi yang lebih utama adalah memimpin para pelajar untuk mengenal Allah SWT dan semua Rasul-Nya, melakukan amar makruf dan nahi mungkar, sehingga terzahirnya generasi yang memiliki jati diri Muslim yang jelas peranannya sebagai khalifah di muka bumi.

Dalam Islam, pembangunan karakter pelajar bermula dengan kefahaman agama yang sahih, agar para pelajar dapat memahami ilmu dan kehidupan dalam neraca wahyu, bukan hanya logik dan emosi semata-mata. Didiklah para pelajar dengan akidah yang murni, agar hati mereka sentiasa terpaut kepada tauhid dan tidak terpesong kepada pemikiran liberal atau pluralisme agama yang membingungkan.

Jadilah guru yang mampu memberikan contoh teladan yang baik dalam tutur kata, akhlak dan cara berfikir yang memberi impak kepada para pelajar. Janganlah menjejaskan imej profesion seorang guru dengan kelakuan yang mencemarkan maruah diri dan institusi pendidikan, seperti

ketidaksantunan di media sosial atau terlibat dalam salah laku moral yang kelak boleh menjadi bahan cemuhan masyarakat.

Maka, wahai para guru sekalian, tugas kalian bukan sembarangan. Kalianlah benteng utama yang mampu menyelamatkan para pelajar kita daripada terjerumus ke dalam arus pemikiran songsang, kecelaruan identiti, kegoyahan akidah dan kemerosotan akhlak. Suburkanlah nilai iman dan adab dalam setiap interaksi pendidikan termasuk dalam subjek bukan agama sekalipun.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Pelajar bukan sekadar penuntut ilmu, tetapi dialah pencari hakikat dan makna ketuhanan. Guru pula bukan sekadar pendidik, tetapi dialah yang memimpin anak didiknya mengenal Tuhan iaitu Allah SWT. Justeru itu, setiap ilmu yang diajarkan sama ada sains, matematik, sejarah mahupun bahasa mestilah diikat dengan tauhid, agar ilmu itu menjadi wasilah yang mendekatkan diri kepada Allah SWT, bukan alat yang menyesatkan dan memisahkan manusia dari Tuhannya.

Seorang guru sains contohnya, bukan sekadar mengajar fakta dan teori, tetapi guru juga perlu menunjukkan kepada pelajar bagaimana hukum alam ini tunduk kepada sunnatullah yang begitu teliti yang tidak mampu dibuat oleh manusia. Seorang guru matematik, bukan hanya menekankan logik dan angka semata, tetapi perlu memimpin pelajar melihat keadilan dan keteraturan ciptaan-Nya. Inilah hakikat ilmu yang bermanfaat, iaitu ilmu yang menghubungkan manusia kepada Allah SWT dan memperkukuh tanggungjawab sebagai khalifah di muka bumi.

Nabi SAW turut mengajarkan kita agar berhati-hati dengan ilmu yang tidak membawa manfaat sebagaimana dalam doanya.

Hadis yang diriwayatkan daripada Zaid bin Arqam Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW pernah membacakan doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عِلْمٍ لَا يَنْفَعُ، وَمِنْ قَلْبٍ لَا يَخْشَعُ،
وَمِنْ نَفْسٍ لَا تَشْبَعُ، وَمِنْ دَعْوَةٍ لَا يُسْتَجَابُ لَهَا

"Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan-Mu daripada ilmu yang tidak bermanfaat, hati yang tidak khushyuk, nafsu yang tidak pernah puas, dan doa yang tidak diperkenankan."

(Riwayat Muslim).

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Sedarlah bahawa jika seorang guru itu gagal memberikan kefahaman Islam yang sebenar dalam diri pelajarnya, mungkin akan lahirnya generasi yang pintar tetapi lompong dari sudut akhlaknya, canggih dalam teknologi tetapi keliru dalam ideologinya, hebat berfikir tetapi longgar pegangan agamanya. Maka tidak hairan jika kita melihat generasi muda hari ini semakin terdedah kepada fikrah liberal, normalisasi maksiat, dan krisis identiti.

Oleh itu, wahai para guru sekalian, jadikanlah tugas mendidik ini sebagai medan dakwah dan jihad. Tanamkan kepada anak-anak pelajar kita bahawa kemuliaan insan itu bukan terletak pada gelaran, pangkat atau kekayaan tetapi ia terletak pada sejauh mana dia mengamalkan ajaran Islam

dengan penuh keikhlasan, menjunjung syariat serta berpegang teguh kepada tasawwur Islam yang menyeluruh.

Hadirin Jumaat yang dikasihi Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian kita iaitu:

1. Warga pendidik perlu tampil sebagai 'murabbi' yang mampu mempertahankan akidah dan jati diri pelajar di tengah-tengah pengaruh media sosial yang semakin mencabar.
2. Warga pendidik perlulah menghayati peranan sebagai pembimbing ummah dalam mendidik anak bangsa, sambil sentiasa memperkasa diri dengan ilmu dan kemahiran baharu agar seiring dengan perubahan zaman.
3. Masyarakat perlu sedar bahawa tugas mendidik anak bangsa bukan hanya terletak di bahu guru semata-mata, tetapi turut menjadi tanggungjawab bersama yang menuntut penglibatan aktif ibu bapa, komuniti dan kepimpinan setempat.
4. Para ibu bapa dan pelajar hendaklah sentiasa memuliakan dan menghormati para guru kerana itu merupakan kunci kepada keberkatan ilmu.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ
لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّيِّنَ بِمَا
كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ ﴿٧٨﴾

"Tidaklah patut bagi seseorang manusia yang Allah berikan kepadanya Kitab agama dan hikmat serta pangkat Nabi, kemudian ia tergamak mengatakan kepada orang ramai: "Hendaklah kamu menjadi orang-orang yang menyembahku dengan meninggalkan perbuatan menyembah Allah". Tetapi (sepatutnya ia berkata): "Hendaklah kamu menjadi orang-orang Rabbaniyin (yang hanya menyembah Allah Taala - dengan ilmu dan amal yang sempurna), kerana kamu sentiasa mengajarkan isi Kitab Allah itu, dan kerana kamu selalu mempelajarinya".

(Surah Ali-Imran: 79).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ
وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

³ Al-Ahzab: 56.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ.
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اأَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اللَّهُمَّ أَدِمْ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَعَكُّو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اأَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Rahmatilah dan peliharalah para jemaah haji yang menjadi tetamu Allah (Duyufurrahman) pada tahun ini. Hindarilah mereka daripada segala kesulitan dan kepayahan, sepanjang keberadaan mereka di bumi Mekah dan Madinah.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ حَجَّهُمْ حَجًّا مَبْرُورًا، وَسَعْيَهُمْ سَعْيًا مَشْكُورًا،
وَذَنْبَهُمْ ذَنْبًا مَغْفُورًا، وَتِجَارَتَهُمْ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ.

Ya Allah! Jadikanlah ibadah haji mereka ibadah haji yang mabrur, sa'i mereka sa'i yang diterima, dosa mereka dosa yang diampun, perbelanjaan mereka perbelanjaan yang tidak merugikan, wukuf mereka wukuf yang penuh keinsafan, dan kembalikanlah mereka ke tanah air dalam keadaan selamat, sihat wal afiat serta dipenuhi keberkatan.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

Ya Allah! kukuhkanlah pegangan akidah umat Islam di negeri ini, akidah yang berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat Radiallahuanhum serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.